

21/05/2000

PM umum calon Teluk Kemang

PORT DICKSON: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka mengumumkan calon Barisan Nasional (BN) bagi pilihan raya kecil Parlimen Teluk Kemang, 10 Jun ini.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata pemilihan calon sudah muktamad dan pengumuman akan dibuat di Kuala Lumpur, Isnin atau Selasa ini.

"Teluk Kemang adalah kawasan penting dan dengan Perdana Menteri sendiri membuat pengumuman itu, saya percaya (calon berkenaan) akan diterima lebih ramai penduduk," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas perkembangan terbaru pemilihan calon BN selepas merasmikan majlis sembang-sembang perpaduan di Teluk Kemang dekat sini, petang semalam.

Pilihan raya kecil Teluk Kemang diadakan berikutan kematian penyandanginya, S A Anpalagan yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan pada 28 April lalu.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata, beliau akan berbincang dengan Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, untuk memperkenalkan calon berkenaan di sini.

(END)